

29.1.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
Ketua Pegawai Eksekutif, PBAPP dan PBAHB.

PROJEK PENYAMBUNGAN PAIP “TANPA SWSI” PERTAMA DI PULAU PINANG BERJAYA DISIAPKAN

- **Saluran paip baharu ke-2 Menyeberangi Sungai Perai berfungsi sepenuhnya.**
- **Tiada isu bekalan air utama dilaporkan di SPU dan SPT pada 27.1.2026 dan 28.1.2026.**
- **PBAPP akan mematuhi arahan Ketua Menteri Pulau Pinang berhubung pelaksanaan projek sambungan paip utama “Tanpa SWSI” di Pulau Pinang seboleh mungkin.**

Pulau Pinang, Khamis, 29.1.2026: Kejayaan kerja-kerja penyambungan akhir Saluran Paip kedua Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP ke-2) akan mendorong PBAPP untuk merancang semua projek penyambungan saluran paip utama pada masa hadapan tanpa Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI).

Paip 900mm SP-RCP ke-2 ini akan tercatat dalam sejarah sebagai bahagian paip utama pertama di Pulau Pinang yang berjaya disambungkan “tanpa SWSI”.

Melalui pelaksanaan teknologi “*line stopping*” dan “*hot tapping*” pada 27.1.2026 dan 28.1.2026, bahagian saluran paip menyeberangi sungai bernilai RM3.2 juta ini telah berjaya beroperasi tanpa menjejaskan kira-kira 26,000 pengguna air di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

Dengan penggunaan teknologi ini, PBAPP telah berjaya menjimatkan masa dan sumber.

Kami dapat mengelakkan proses menutup injap bagi menghentikan operasi paip utama, mengosongkan air di dalam paip, menunggu tapak kerja kering sebelum memulakan kerja, membuka semula injap serta melaksanakan kerja-kerja nyah-udara di pelbagai lokasi untuk pemulihan sepenuhnya perkhidmatan bekalan air.

Sehubungan itu, kerja-kerja penyambungan akhir SP-RCP ke-2 telah disiapkan lebih awal daripada jadual, iaitu pada jam 10.00 malam semalam, kira-kira 24 jam lebih awal daripada tempoh yang dirancang.

Namun begitu, kos pelaksanaannya adalah lebih tinggi. Kerja penyambungan SP-RCP

ke-2 ini menelan kos kira-kira RM800,000 berbanding RM80,000 bagi penyambungan akhir biasa yang melibatkan SWSI.

Susulan arahan Ketua Menteri

Semalam, semasa lawatan tapak, Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow telah mengarahkan PBAPP untuk melaksanakan protokol “tanpa SWSI” bagi semua projek paip utama pada masa hadapan, tertakluk kepada pertimbangan berikut:

- Mengelakkan SWSI yang menjejaskan 20,000 pengguna air atau lebih;
- Tempoh kerja yang diunjurkan selama 18 jam atau lebih; dan
- Paip utama sahaja, dengan diameter 600mm atau lebih.

PBAPP akan mematuhi arahan YAB Tuan Chow. Kami akan merancang lebih awal bagi meminimumkan kesulitan kepada pengguna dan mengoptimumkan hasil pelaksanaan.

Namun begitu, dari sudut kejuruteraan, kami juga perlu mengambil kira faktor lain seperti lokasi dan saiz tapak kerja. Teknologi “*line stopping*” dan “*hot tapping*” mungkin tidak dapat dilaksanakan di kawasan yang padat dengan pembangunan dan penduduk, atau di kawasan yang mempunyai ruang terhad serta trafik yang sesak.

Walau bagaimanapun, projek SP-RCP ke-2 telah membuktikan bahawa teknologi “*line stopping*” dan “*hot tapping*” adalah praktikal, berdaya maju dan munasabah untuk dilaksanakan di Pulau Pinang dalam situasi yang sesuai.

Penghargaan

Bagi pihak PBAPP, saya ingin merakamkan penghargaan kepada kontraktor utama projek SP-RCP ke-2 kerana berjaya menyiapkan projek ini mengikut jadual serta merakam penghargaan kepada syarikat pakar yang telah melaksanakan kerja “*line stopping*” dan “*hot tapping*” seperti yang dirancang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada 20 kakitangan PBAPP yang bertugas di tapak projek pada 27.1.2026, 28.1.2026 dan 29.1.2026 bagi memastikan pengoperasian SP-RCP ke-2 dilaksanakan dengan selamat dan tepat pada masanya.

Penghargaan turut diberikan atas kerjasama dan sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah SPU dan SPT serta Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat



E-mel : comms@pba.com.my